

PENDEKATAN ISTINBAT FATWA KONTEMPORARI TERHADAP ISU-ISU FIQH SEMASA BERORIENTASIKAN SAINS DAN TEKNOLOGI

CONTEMPORARY FATWA AGAINST ISTINBAT APPROACH ISSUES OF CURRENT JURISPRUDENCE-ORIENTED SCIENCE AND TECHNOLOGY

Prof. Madya Dr Alias Azhar¹
Dr Mohammad Azam Hussain²

¹Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, 06010 Sintok, Kedah, e-mel: az.alias@uum.edu.my

²Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, 06010 Sintok, Kedah

Accepted date: 26 November 2016

Published date: 31 December 2016

To cite this document : Azhar, A., & Hussain, M. A. (2016). Pendekatan Istinbat Fatwa Kontemporari Terhadap Isu-Isu Fiqh Semasa Berorientasikan Sains Dan Teknologi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 1(2), 1-7.

Abstrak: Dinamisme sains dan teknologi (S&T) telah memberi kesan terhadap perubahan hukum Islam dan autoriti hukum yang turut membuka ruang agar semakan semula hukum perlu dilakukan. Istinbat fatwa dalam kerangka ijtihad kontemporari amat penting dalam rangka usaha memberikan jawapan-jawapan hukum yang jelas dan realistik dengan kondisi semasa. Bagi membentuk landasan konsep dan teori kajian ini, maka rujukan telah dibuat terhadap bahan-bahan literatur dalam simpanan perpustakaan, dokumen penting dan rasmi seperti minit mesyuarat, laporan penyelidikan, statistik, dokumen rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan jabatan-jabatan Mufti. Konsep dan definisi fatwa serta hubungan yang erat antara ijtihad dan fatwa menjadi landasan teori perbincangan artikel ini. Perubahan fatwa berlaku berdasarkan perubahan masa, tempat, keadaan dan 'urf implikasi perkembangan sains dan teknologi. Keperluan asasi yang perlu dilakukan bagi melaksanakan syariat Islam secara menyeluruh ialah keperluan untuk melakukan istinbat fatwa dalam kerangka ijtihad kontemporari. Keperluan ini bertujuan menjadi syariat Islam bersifat progresif dan mampu untuk menghadapi isu-isu hukum baru, seterusnya sesuai dipraktikkan pada setiap masa dan tempat.

Keywords: *Fatwa Kontemporari, 'Urf, Fiqh Saintifik, Mufti, Istinbat*

Abstract: *The science and technology dynamics (S & T) have affected the change of Islamic law and the legal authority that also opens the door for legal review. Fatwa istinbat in the framework of contemporary ijtihad is very important in order to provide clear and realistic legal answers to current conditions. To form the foundation of the concept and the theory of this study, reference has been made to literary materials in library savings, important and official documents such as minutes of meetings, research reports, statistics, official documents*

of the Department of Islamic Development Malaysia and the Mufti departments. The concepts and definitions of fatwa and the close relationship between *ijtihad* and fatwa serve as the basis of the discussion theory of this article. Fatwa changes occur based on time changes, places, conditions and 'implications of scientific and technological developments. The basic needs that need to be done to implement the Islamic law as a whole is the need to conduct the *istiwabat fatwa* in the framework of contemporary *ijtihad*. This requirement is aimed at becoming a progressive Islamic law and able to deal with new legal issues, thereby being practiced at all times and places.

Keywords: Contemporary Fatwa, 'Urf, Fiqh Scientific, Mufti, Istinbat

Pendahuluan

Kepentingan fatwa dalam kehidupan masyarakat Islam tidak dapat dinafikan. Ini adalah kerana Islam memerintahkan umatnya bertanya kepada orang yang lebih 'arif dan alim jika mereka tidak mengetahui sesuatu perkara. Banyak ayat-ayat al-Quran memberikan gambaran tentang kepentingan fatwa di zaman Rasulullah s.a.w. Antaranya firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat 176, yang bermaksud: *Mereka (orang-orang Islam) meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad mengenai masalah kalalah). Katakanlah: "Allah memberi fatwa kepada kamu dalam masalah kalalah itu"*

Fatwa dari segi bahasa ialah jawapan atau penjelasan bagi sesuatu masalah. Dari segi istilah ia bermaksud penjelasan hukum syarak oleh mufti bagi sesuatu masalah sebagai jawapan bagi sesiapa yang bertanya, baik secara bersendirian atau berjemaah. Pensiariatannya adalah bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Antaranya ialah Islam mensyariatkan umatnya bertanya kepada orang yang berilmu sekiranya mereka mendapati sesuatu masalah itu tidak jelas hukumnya (AI-Nahl:43). Juga terdapat dua tempat di dalam al Quran yang menggunakan lafaz " *istifta* " (meminta fatwa) iaitu: surah An-Nisa ayat 127 dan 176. Misalnya maksud ayat 127: *"Dan mereka meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hak dan kewajipan) kaum perempuan. Katakanlah olehmu : Allah akan memberi keterangan (fatwa) kepada kamu"*

Imam Ibn Qayyim (1996) menganggap bahawa seorang mufti adalah sebagai pemberi khabar tentang ketentuan hukum Allah SWT dalam satu-satu perkara melalui *ijtihad* dan fatwanya. Al-Syatibi (2011) menegaskan kedudukan Mufti di kalangan umat ialah pengganti tempat Nabi s.a.w. kerana Ulama' itu mewarisi tugas dan peranan para Nabi.

Ringkasnya *Al-Ifta* menurut istilah syarak ialah menyatakan hukum mengenai sesuatu masalah agama kepada sesiapa yang ingin mengetahuinya. Hukum yang telah diberikan itu dinamakan fatwa. Orang yang bertanya itu dipanggil *Mustafti* (orang yang meminta fatwa), manakala orang yang ditanya dan memberi keterangan hukum terhadap masalah yang ditanya tersebut dipanggil Mufti (orang yang memberi fatwa).

Ijtihad Dan Fatwa: Perspektif Hubungan

Sudut bahasa ia diambil daripada *afta-ifta'an* yang memberi maksud menjabar dan menghuraikan hukum permasalahan. Fatwa boleh dibaca dengan *futiya* atau fatwa atau futwa apabila seseorang alim menerangkan hukum. Perkataan ini apabila *dijamakkan* menjadi *al-fatawa* atau *al-fatawi* (Sa'di Abu Jayb:1993).

Sudut istilahnya pula, fatwa mempunyai pelbagai definisi antaranya, Wahbah al-Zuhaili (1996) dan Lina Himshi (1996) mengatakan bahawa fatwa adalah sebagai jawapan yang dibuat oleh mufti pada perkara yang berlaku apabila diajukan soalan kepada. Fatwa ialah

mengkhabarkan hukum Allah SWT sama ada pada yang mesti atau harus. (Al-Imam al-Qarafi:1998)

Dinukilkan di sini kenyataan yang dibuat oleh Ali Hasaballah (1971) yang diambil daripada pendapat Imam Ibn Hanbal. Menurut pendapat ini, seseorang tidak wajar mengeluarkan fatwa kecuali jika ia memiliki lima perkara. Iaitu:

- i. Mempunyai niat untuk mendapat keredaan Allah SWT. Ia tidak harus memberi fatwa semata-mata kerana tamakkan harta atau kemegahan dan tidak juga kerana takutkan pihak berkuasa.
- ii. Berilmu, berlapang dada, tenang dan *waqar*(tegas). Keperluan terhadap ilmu jelas iaitu sesiapa yang mengeluarkan fatwa tanpa ilmu akan mendapat seksaan Allah SWT kerana ia telah berbohong kepada Allah SWT. Sementara sikap berlapang dada adalah ibarat pakaian dan perhiasan ilmu manakala *waqar* pula merupakan hasil daripada sikap mulia.
- iii. Menguasai ilmu pengetahuan yang membolehkannya mengeluarkan fatwa.
- iv. Mempunyai sumber kehidupan yang mencukupi. Ini bermakna, ia tidak perlukan bantuan orang ramai dalam menjalani kehidupan. Dengan sumber kehidupan yang mencukupi, dia akan berjaya menghidupkan dan mengembangkan ilmunya. Sesiapa yang menghulurkan tangan tanpa meminta bantuan orang lain, ia sesungguhnya merendahkan martabat ilmunya dan ia akan menjadi sasaran celaan manusia.
- v. Mengetahui keadaan manusia. Ini bererti, orang jahil tentang keadaan manusia, fatwanya akan lebih banyak mendatangkan kerosakan kepada manusia, berbanding kebaikan. Kejahilan tersebut akan meningkatkan penipuan, iaitu apabila orang yang zalim akan berlagak seperti orang yang dizalimi dan orang yang melakukan perkara yang batil berlagak seolah-olah melakukan perkara yang benar.

Dengan kata lain, asas pertimbangan fatwa mestilah berkisar kepada tiga perkara iaitu, menepati dalil-dalil, *maslahah* umum dan memilih pendapat yang paling *rajih* dan kuat. Hukum yang disyariat oleh Allah berdasarkan kemaslahatan manusia sama ada di dunia mahupun akhirat (al-Shatibi,2011). Hal sedemikian menunjukkan kebaikan dan kelebihan Syariat Islam. Ianya telah disepakati oleh para ulama Usul, *Muhaddithin*, *Mutakallimin* bahkan golongan falsafah (al-Amidi,1998).

Para ulama mujtahid akan berijtihad terhadap persoalan semasa berdasarkan nas-nas Syarak sama ada melalui lafaz-lafaznya ataupun '*illah-illahnya*(al-Muti'i, t.t.). Pendekatan ini mempunyai kelebihan-kelebihan berikut;

1. Merupakan asas utama dalam memahami, menyelami dan menzahirkan *maqasid al-shari'ah* yang sebenar. Tanpa konsep istinbat hukum berdasarkan '*illah* (ta'lil ahkam) para mujtahid lebih sukar dalam membuat penentuan hukum yang berkaitan dengan permasalahan semasa kerana hanya pembuat hukum (Allah SWT) sahaja yang mengetahui kehendakNya yang sebenar. Oleh itu berdasarkan pendekatan ini, para mujtahid boleh berijtihad berdasarkan kehendak dan motif Syarak secara umumnya.
2. Merupakan salah satu rukun *qiyas* paling utama yang menghubungkan di antara asal dan *furu'*. Hal ini membawa kepada penerimaan istinbat berdasarkan '*illah* hukum secara umum apabila ianya dikaitkan dengan perbuatan hamba (manusia) dan bukannya perbuatan Allah SWT.
3. Sebagai pelengkap kepada kewujudan '*illah* yang disyaratkan oleh golongan jumur iaitu jelas (zahir) dan konsisten (al-Shawkani,1999). Instinbat hukum dalam situasi ini lebih kepada sandaran '*illah* atau hikmah yang dikenali sebagai munasabah(Ali Hasab

Allah,1971)secara umumnya. Ini bermakna bukan semua *'illah* itu dianggap sebagai motif ataupun hikmah.

Penjelasan kaedah istinbat hukum Syarak dalam konteks *'illah* bagi mencapai dan memenuhi kriteria *maqasid al-Syariah* berlaku sebagaimana berikut (Shalabi,1981);

- a. Mengetahui hukum yang tidak dinaskan melalui *qiyas*.
- b. Para mujtahid membuat kajian dengan berdasarkan makna yang seiring dengan kehendak Syarak justeru berhukum dengannya. Ianya dikenali dengan istilah ataupun *maslahah mursalah*.
- c. Mengkaji *'illah* sesuatu hukum yang dinaskan dan *'illah* tersebut bersifat terbatas (*'illah* qasirah) melalui penjelasan terhadap hikmah hukum.

Dalam tradisi pengajian Islam, fatwa berkait rapat dengan ijtihad. Oleh kerana itulah, dalam kitab-kitab *Usul al-Fiqh* ia dihuraikan dalam bab al-Ijtihad bersama-sama huraian tentang ijtihad sendiri dan *taqlid* (al-Ghazzali,1993). Ijtihad secara mudahnya boleh dihuraikan sebagai melakukan penyelidikan tentang hukum. Ia lebih bersifat kerja-kerja ilmiah dan akademik. Sementara fatwa pula menyatakan hukum yang diijtihadkan itu kepada orang lain bagi menjawab persoalan atau sebagainya (Muhammad Abu Zuhrah,t.t.). Ia bukan sahaja bersifat ilmiah atau akademik semata-mata, tetapi juga bersifat penyelesaian masalah.

Instinbat Fatwa Dalam Kerangka Ijtihad Kontemporari

Di bawah pengaruh dunia baru dengan segala kemajuannya termasuk perkembangan pesat sains dan teknologi (Hairudin Harun: 2004), hampir semua perkara dalam kehidupan moden sekarang harus berevolusi seiring dengan perkembangannya. Dalam hal, institusi fatwa tidak terkecuali, malah revolusi dan reformasi sistem penyelidikannya perlu dilaksanakan demi menjamin kredibiliti dan autoriti fatwa tidak tergugat.

Fatwa memainkan peranan yang sangat perdana khususnya dalam menyelesaikan masalah semasa agama yang dihadapi oleh ummah. Masalah-masalah agama tersebut merupakan permasalahan baru yang tidak diputuskan secara muktamad hukumnya oleh al-quran mahupun al-sunnah. Selain itu, fatwa juga berperanan menyatupadukan kesepaduan fikiran, kefahaman dan tindakan seluruh umat Islam dan menyelamatkan masyarakat daripada terpesong daripada ajaran syariat hakiki.

Terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian ketika mengeluarkan fatwa. Antaranya menurut al-Qaradhawi (1993) ialah:

- a. Menyertakan dalil dan hujah termasuk hujah yang berbeza antara satu sama lain.
- b. Menerangkan *'illah* dan hikmah hukum tersebut.
- c. Melakukan perbandingan antara pandangan Islam dan agama-agama lain dalam isu yang dibincangkan.
- d. Perlu diterangkan pendahuluan (tamhid) bagi hukum-hukum yang agak asing bagi orang yang bertanya supaya penjelasan hukum itu dapat diterima dengan baik.
- e. Para mufti perlu mengemukakan alternatif yang halal bagi sesuatu perkara yang difatwakan sebagai haram.
- f. Mengaitkan hukum persoalan yang ditanya dengan hukum Islam yang lain. Ini dapat menyerlahkan lagi keadilan dan kesempurnaan ajaran Islam.
- g. Dalam situasi tertentu seseorang mufti tidak perlu untuk menjawab persoalan yang diajukan kerana perkara tersebut tidak memberi manfaat.
- h. Untuk menerangkan hukum terhadap sesuatu perkara, kadang-kadang perlu diterangkan perkara lain yang boleh menyempurnakan persoalan tersebut atau berkaitan dengannya, atau mempunyai persamaan atau berlawanan dengan persoalan tadi dan sebagainya walaupun ia tidak ditanya.

Menurut al-Qaradhawi (1990) proses perubahan pemikiran Islam berdasarkan teori tarjih tidak terlepas daripada tuntutan perkembangan ilmu pengetahuan moden terutama dalam bidang biologi dan ilmu alam. Antaranya ialah ketetapan bahawa unsur yang memabukkan dalam setiap minuman adalah alkohol sama ada ia daripada anggur, epal, gandum, bawang atau tebu. Sebagai contoh, beliau dalam masalah *rada'ah* (penyusuan) yang menjadikan pertimbangan bagi pengharaman hubungan penyusuan dalam al-Quran ialah penyusuan yang terjadi melalui puting susu seorang wanita dengan disedut oleh bayi dan bukan alasan susu yang sampai ke dalam kerongkong bayi tersebut dengan selain cara itu. Oleh itu, al-Qaradhawi (1993) mengharuskan “Bank Susu” jika ia memang diperlukan oleh masyarakat dan sesuai dengan kemaslahatan umat.

Al-Qaradhawi (2002) turut meletakkan syarat memahami objektif syariat dan mengenali manusia serta persekitarannya sebagai pra syarat penting seorang mujtahid. Mengenali manusia dan persekitarannya merupakan syarat baru yang diletakkan oleh al-Qaradhawi. Ini adalah perlu kerana seorang mujtahid perlu berijtihad berasaskan realiti seseorang individu atau masyarakat serta perkembangan isu-isu semasa. Usaha ini dipanggil ijtihad *intiqah'i* (al-Qaradhawi 1990). Al-Qaradhawi (2002) mengingatkan bahawa perbezaan pendapat dalam fiqh bukanlah sesuatu yang tercela, malah ia saling membantu dan menampung antara satu sama lain. Beliau menyatakan terdapat tiga faktor yang mempengaruhi ijtihad *intiqah'i* iaitu perubahan sosial politik setempat atau antarabangsa, perkembangan ilmu pengetahuan moden, dan tuntutan untuk memenuhi keperluan zaman moden.

Selain itu, terdapat satu lagi bentuk ijtihad, iaitu ijtihad gabungan antara ijtihad *intiqah'i* dan ijtihad *insyah'i*. Ia dilakukan dengan *mentarjih* pendapat-pendapat ulama salaf, dengan menambah unsur-unsur ijtihad baru (al-Qaradhawi 2002:). Antaranya adalah fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Kuwait pada 29 September 1984 tentang masalah pengguguran kandungan. Dalam fatwa tersebut, di samping penapisan dan *pentarjihan* ke atas pandangan ahli-ahli fiqh, ditambahkan juga dengan unsur ijtihad *insyah'i* yang merupakan tuntutan kemajuan ilmu perubatan moden (al-Qaradhawi 2002).

Menurut fatwa tersebut, doktor adalah dilarang melakukan pengguguran ke atas kandungan yang berusia 120 hari, kecuali untuk menyelamatkan nyawa si hamil. Kandungan yang berusia kurang daripada 40 hari, dibolehkan dengan persetujuan suami isteri. Sementara kandungan yang berusia 40 hari dan belum mencapai 120 hari tidak boleh digugurkan, kecuali dalam dua keadaan, iaitu jika kandungan tersebut akan membahayakan keselamatan ibu dan jika janin yang akan lahir itu mengalami kecacatan fizikal atau mental yang tidak mungkin dapat dipulihkan. Pengguguran mesti dilakukan di hospital dan bukan pada kandungan yang telah berusia 40 hari, kecuali dengan ketetapan sekurang-kurangnya dua orang doktor pakar. Salah seorang daripadanya adalah pakar kanak-kanak dan wanita serta dua orang selain mereka yang dijamin kejujurannya (al-Qaradhawi 2002).

Dalam isu pengklonan manusia, al-Qaradhawi (2003) dalam fatwanya berkata bahawa ia adalah satu isu baru yang memerlukan kajian yang segera tidak ada qiyas mahupun perbincangan ulama sebelumnya. Beliau menegaskan bahawa Islam menggalakkan kajian-kajian sains dengan syarat hendaklah ia terikat dengan nilai-nilai agama dan akhlak. Menurut al-Qaradhawi lagi, Islam mengharamkan pengklonan manusia kerana ia membawa kemudaratan ke atas manusia dengan menafikan variasi dan sunnah berpasangan dan perkahwinan yang merupakan fitrah bagi makhluk.

Jelas bahawa pengklonan manusia ini mewujudkan implikasi hubungan antara pengklon dengan yang diklon yang berkecamuk kerana mereka merupakan individu yang berasingan. Walau bagaimanapun, pengklonan digalakkan untuk menghasilkan anggota-anggota badan yang lain seperti jantung, hati dan sebagainya dalam usaha merawat mereka

yang memerlukan. Al-Qaradhawi (2002) menyatakan bahawa konsep klon ini dapat mengingatkan manusia tentang keimanan dengan hari akhirat. Ini adalah kerana pada hari akhirat nanti, semua manusia akan dibangkitkan, dihisab dan, diberi pembalasan.

Kepelbagaian isu yang timbul ini adalah kesan langsung daripada perkembangan sains dan teknologi (<https://fiqhmedic.wordpress>). Hasilnya, lahir beberapa isu hukum baru yang dahulunya tidak dibincangkan secara terperinci oleh sarjana hukum Islam klasik. Dinamisme sains dan teknologi ini memberi kesan terhadap perubahan hukum Islam dan ketepatan hukum dan dibuat dengan lebih efektif. Beberapa fatwa munakahat kontemporari implikasi sains dan teknologi seperti berikut (JAKIM,2013)

1. Hukum Menggunakan DNA Untuk Menentukan Status Nasab Anak
2. Akad Nikah Menerusi Sidang Video (Video Conference)
3. Kewajaran Mewajibkan Pelaksanaan Ujian Saringan HIV Kepada Bakal Pengantin
4. Hukum Menggunakan Alat-Alat Bantuan Untuk Tujuan Hubungan Kelamin
5. Penceraian Melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS)
6. Anak Tak Sah Taraf
7. Pencantuman Benih Untuk Mendapatkan Zuriat
8. Rancangan Keluarga

Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid (2001) menegaskan bahawa aplikasi syariah Islam dalam sejarah membuktikan kemungkinan boleh dilakukan pembaharuan hukum berdasarkan berlakunya perubahan masa dan tempat. Adalah diakui bahawa pandangan para sarjana hukum Islam zaman keemasan merupakan kemuncak pemikiran hukum Islam yang tinggi nilainya. Al-Qaradhawi (1999) berpendapat bahawa perubahan fatwa berlaku berdasarkan perubahan masa, tempat, keadaan dan 'urf. Selain itu, beliau turut berpendapat bahawa perubahan fatwa bertujuan meraikan keperluan dasar (al-daruriyyat), keuzuran dan keadaan khusus yang dikecualikan daripada hukum. Al-Qaradhawi (1990) turut menyatakan bahawa terdapat keperluan asasi yang perlu dilakukan bagi melaksanakan syariat Islam secara menyeluruh ialah keperluan untuk melakukan ijtihad semasa. Keperluan kepada ijtihad semasa adalah perlu bagi pelaksanaan syariat Islam menjadi progresif dan mampu untuk menghadapi isu-isu hukum baru, seterusnya sesuai dipraktikkan pada setiap masa dan tempat.

Penutup

Umat Islam wajib yakin bahawa syariat Islam merupakan perundangan syumul yang praktikal pada setiap masa dan tempat. Institusi fatwa perlu menyenaraikan beberapa perkara yang perlu bagi melaksanakan penyelidikan fatwa kontemporari dalam kerangka *maqasid al-syariah* iaitu keperluan kepada ijtihad kontemporari, pelaksanaan penyelidikan fatwa secara menyeluruh tanpa dipilih-pilih mengikut keperluan tertentu. Beberapa bentuk fiqh yang perlu diberi perhatian dalam menjalankan penyelidikan fatwa dengan lebih berkesan. Dalam konteks *instinbat* fatwa pula, perlu sederhana dalam menetapkan syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk meletakkan seseorang sebagai ahli jawatankuasa fatwa dalam usaha pelaksanaan *ijtihad insya'i* dan *intiq'a'i*. Selain itu, perlunya metodologi istinbat dilakukan secara kolektif untuk menangani isu-isu baru dalam masyarakat yang semakin kompleks. Dalam metodologi mengeluarkan fatwa, perlu menggabungkan pemahaman terhadap *maqasid syariah* dan juga realiti masyarakat semasa. Di samping, tidak mengabaikan pandangan-pandangan ulama silam dalam kitab *turath* kerana ia sangat penting sebagai asas dan panduan berguna kepada umat kini.

Tradisi penyelidikan fatwa perlu diperkukuhkan melalui *instinbat* fatwa perlu diubahsuai agar seiring dengan kemajuan dan keperluan masa kini. Segalanya serba pantas

dan perkembangan kehidupan lebih rumit bukan aspek perubahan fizikal atau material semata-mata, bahkan perubahan intelektual dan spiritual turut terkesan. Institusi fatwa perlu sentiasa bersedia aspek infrastruktur dan intelektual bagi menzahirkan keunggulan instrumen dan mekanisme ijtihad melalui metodologi istinbat fatwa kontemporari dalam menjawab persoalan hukum berorientasikan perkembangan sains dan teknologi masa kini.

Rujukan

- Al-Amidi, Sayf al-Din 'Ali bin Muhammad al-Amidi. 1998. *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, Sayyid al-Jamili (Dr.)(ed.), c. 3, j. 3. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1993. *Al-Mustasfa min 'ilm al-usul* (ed. Muhammad 'Abd al-Salam 'Abd al-Safi). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ali Hasaballah, 1971. *Usul al-Tasyri'e al-Islami*. Dar al-Ma'arif, Mesir
- Al-Qaradhawi, Yusof. 1994, *al-Ijtihad al-Mu'asir Baia al-Indhibat Wa al-Infirat*, Kahirah: Dar al-Tauzi' Wa al-Nasyr al-Islamiyah
- Al-Qaradhawi, Yusof. 1977. *al-Jam' bayna al-thabat wa al-murunah*. Dlm. Al-Qaradhawi, Yusof. *al-Khasa'isal-'Ammah li al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradhawi, Yusof. 1990. *Madkhal li dirasah al-syari'ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradhawi, Yusof. 1993. *Min hady al-Islam fatawa Mu'asirah*. Juzuk 2. Cetak ke-2. t.tp.: Daral Wafa'.
- Al-Qaradhawi, Yusof. 1997. *Shari'ah al-Islam Salihah li al-tatbiq fi kull zaman wa makan*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradhawi, Yusof. 1999. *'Awamil al-si'ah wa al-murunah fi al-shari'ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradhawi, Yusof. 2002. *Ijtihad dalam syariat Islam: Beberapa analitis tentang ijtihad semasa*. Terj. Kuala Lumpur: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.
- Al-Qaradhawi, Yusof. 2003. Bahagian *fatawa wa ahkam* 12 Oktober 2001. (atas talian) <http://www.qaradawi.net>. (13 Mac 2016).
- Al-Qaradhawi, Yusof. 2003. Bahagian *Nadawat wa Mu'tamarat*. (atas talian) <http://www.qaradawi.net>. (13 Mac 2016).
- Al-Qaradhawi, Yusof. 2003. Khutbah Jumaat Bahagian *fatawa wa ahkam & khutab wa muhadarat* 12 Oktober 2001. (atas talian) <http://www.qaradawi.net>. (13 Mac 2016).
- Al-Qarafiiy, & Idris, S. A. A. B. (1998). *Al-Furuq* (Legal Differences). Checked and corrected by Khalil al-Mansur. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah (Publishing House of Scientific Books).
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim b. Musa b. Muhammad al-Lakhmi. 2011. *al-Muwafaqat* English translation by Imran Ahsan Khan Nyazee, UK: Garnet Publishing.
- Al-Shawkani 1999. *Irshad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haqq min 'Ilm al-Usul*, Muhammad Hasan Muhammad Hasan Isma'il al-Shafi'i (ed.), j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Shaykh Muhammad Bakhit al-Muti'i. t.t. *Sullam al-Wusul li Sharh Nihayat al-Sul*. dlm 'Abd al-Rahim bin al-Hasan al-Isnawi, Nihayat al-Sul fi Sharh Minhaj al-Wusul ila 'Ilm al-Usul. j. 4. Kaherah: 'Alam al-Kutub
- Al-Zuhayli, Wahbah, 1996. *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami*. Jilid 2, No. 5; Jilid 1, No. 6. Majallat al-Ahkam al-'Adliyyah <https://fiqhmedic.wordpress.com>, atas talian, akses 20 November 2016.
- Hairudin Harun. 2004, *Retorik Sains Dan Teknologi Di Malaysia*, Kuala Lumpur: DBP.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah, 1996. *I'lam al-Muwaqqi'in*, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2013, Fatwa Isu-Isu Munakahat : Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Putrajaya: JAKIM
- Lina Himshi, 1996. *Tarikh al-Fatwa Fi Islam Wa Ahkamuha al-Syariah*, Damsyik: Dar al-Rasyid.
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid. 2001, "Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun", dalam Abdul Karim Ali & Raihanah Hj. Azahari (eds.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*. c. 2, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.
- Muhammad Abu Zuhrah. t.t. , *Usul al-Fiqh*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi
- Muhammad Mustafa Shalabi, 1981. *Ta'lim al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah
- Sa'di Abu Jayb. 1993, *al-Qamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*. Dimsyq: Dar al-Fikr